

02 AUG 2002

POLITIK "SELEK KAIN", PAS TURUNKAN TARAF PARTI ITU, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata PAS pada pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan kawasan Parlimen Pendang bulan lepas sanggup menggunakan apa cara sekalipun untuk menang walaupun terpesong daripada agama, adat resam dan tata susila masyarakat Islam.

Sehingga wujudnya senario politik "selak kain" yang menunjukkan betapa terdesaknya parti itu untuk menang, katanya.

" Insiden selak kain itu telah menurunkan taraf parti itu ke tahap mendukacitakan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Pergerakan Wanita Umno di Ibu pejabat Umno di sini hari ini.

Beliau berkata PAS telah menggunakan apa saja cara untuk menawan pengundi di kedua-dua kawasan itu supaya mengundi parti itu termasuk bertindak samseng.

Sepatutnya parti itu mendidik rakyat mengenai cara berpolitik yang sebenar, katanya.

Rafidah berkata Wanita Umno telahpun menyiapkan laporannya mengenai pilihan raya kecil itu, termasuk mengenai kelemahan dan kekurangan yang telah dikenalpasti.

Laporan itu akan dihantar kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

HK ZS RON